

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 10 OKTOBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah dan status terkini rancangan untuk membangunkan bidang *e-sports* di setiap negeri.

DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN-SOALAN YANG BERKAITAN:

29 OKTOBER 2019 (SELASA), SOALAN NO. 24

YB LANANG minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam penyediaan dan pembangunan *e-sports* di negara kita terutama di Sarawak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Saya mohon jawab pertanyaan ini secara bersekali dengan soalan daripada YB Lanang bertarikh 29 Oktober 2019 kerana ia menyentuh perkara yang sama mengenai pembangunan *e-sports*.

SOALAN NO : 3

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) dan Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) telah merangka pelbagai program pembangunan bagi sukan elektronik di semua negeri termasuklah negeri Sarawak. Ini adalah susulan kepada suntikan dana oleh Kerajaan sebanyak RM10 juta seperti yang telah diumumkan pada Belanjawan 2019.

3. Melalui perancangan yang telah dibuat ini, pusat-pusat latihan termasuk di negeri akan ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan program bagi sukan ini dapat diseragamkan sehingga ke peringkat akar umbi. Namun begitu, bagi keperluan penubuhan pusat-pusat latihan ini, satu kolaborasi yang khusus perlu dilakukan kerana ia melibatkan pelbagai prosedur daripada beberapa agensi seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri.

4. Pada masa yang sama, pihak Kementerian akan menganjurkan Liga Sukan Elektronik Kebangsaan pada tahun 2020 sebagai salah satu langkah awal pelaksanaan program pembangunan sukan yang akan disertai oleh negeri-negeri. Di samping itu, melalui liga ini juga satu sistem *ranking* pemain akan diwujudkan bagi mengenal pasti prestasi semasa mereka. Ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu kriteria pemilihan atlet untuk mewakili negara ke pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa.

5. Kerajaan negeri Johor melalui Majlis Sukan Negeri Johor telah menyenaraikan sukan elektronik sebagai salah satu sukan yang akan dipertandingkan di temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2020. Ini dilihat sebagai satu pengiktirafan serta peluang untuk memajukan sukan ini di peringkat negeri.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KBS akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak bagi penganjuran Kejohanan Sukan Elektronik bersempena *Tourism Malaysia Day* Sarawak pada bulan Disember 2019 nanti. Dengan penganjuran kejohanan-kejohanan

SOALAN NO : 3

seumpama ini, pihak Kementerian berharap agar lebih ramai bakat-bakat yang baru dapat dicungkil di peringkat negeri dan daerah.

7. KBS melalui Jabatan Belia dan Sukan Negera (JBSN) lebih tertumpu kepada program pendedahan dan peluang kepada peminat sukan ini di peringkat massa. Di samping itu, JBSN telah merancang bengkel *esports* yang meliputi dua elemen iaitu kerjaya dalam *Esports* dan *Healthy Gaming*. Malah JBSN turut merancang untuk melaksanakan pertandingan e-sports berkonsepkan pelancongan sukan (*Esports tourism*). Berikut merupakan program yang telah dirancang oleh JBSN pada tahun ini:

(a) Pertandingan *Esports* FIFA19 dan PES19 Peringkat Negeri.

- i. Dilaksanakan di seluruh negeri.
- ii. Bermula dari bulan Mac 2019 dan tamat bulan Jun 2019.
- iii. Pertandingan terbuka kepada peminat sukan ini di seluruh negeri.

(b) Kejohanan *Grand Final Esports* FIFA19 dan PES19 Peringkat Kebangsaan.

- i. Kejohanan ini akan dilaksanakan pada 12 Oktober 2019 dan 13 Oktober 2019.
- ii. Pemenang dari Pertandingan *Esports* FIFA19 dan PES19 Peringkat Negeri akan mewakili negeri masing-masing bagi merebut gelaran juara keseluruhan.

8. Pihak Kementerian juga ingin mengalu-alukan penglibatan pihak Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, korporat dan persatuan NGO untuk terlibat sama dalam pembangunan sukan elektronik ini secara lebih menyeluruh dan lestari.

Sekian, terima kasih.